**Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/5**
**Tarikh : 15 April 2024**

**PEKELILING AKADEMIK BIL. 16/2024**

Semua Pelajar Program ASASIpintar

Saudara/i,

**PENGEDARAN KAD MASUK DAN JADUAL PEPERIKSAAN (KMJP)**
**SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2023/2024**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas, seperti saudara/i sedia maklum bahawa Peperiksaan Akhir Semester 2 Sesi Akademik 2023/2024 akan diadakan mulai **3 hingga 9 Jun 2024**.

2. Sehubungan itu, **pelajar dikehendaki mencetak sendiri Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) melalui SMPweb mulai 13 Mei hingga 9 Jun 2024**.

3. **Saudara/i diingatkan bahawa KMJP hendaklah dibawa bersama-sama semasa menduduki peperiksaan. Pelajar yang gagal menunjukkan KMJP tidak dibenarkan menduduki peperiksaan**.

4. Saudara/i juga diingatkan agar mematuhi peraturan peperiksaan termasuk etika berpakaian yang dibenarkan di dalam kampus di sepanjang tempoh peperiksaan. Sebarang bentuk **nota (digital/fizikal)** (kecuali yang dibenarkan oleh pensyarah) dan **telefon bimbit** adalah **DILARANG** untuk dibawa masuk ke dalam dewan peperiksaan. Sekiranya saudara/i melanggar peraturan peperiksaan dan etika berpakaian, **denda dan/atau tindakan tatatertib akan diambil**.

Sekian untuk perhatian dan tindakan saudara/i, terima kasih.

Yang benar,

**PROFESOR MADYA DR. IRMAN ABDUL RAHMAN**
Pengarah
Pusat Pengurusan Akademik

s.k. - Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)

- Pengarah
Pusat PERMATA@Pintar Negara

- Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat

- Pengarah
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)

- Ketua
Unit Kewangan Pelajar
Jabatan Bendahari



**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89118284/8388/8450/8451/8452/8454/8458/8459/8460/8461
E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik